

17 MAY 1997

DR M: CUTI SAYA TIDAK HARUS DIJADIKAN ALASAN UNTUK MENARIK DIRI DARI BSKL

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa pelabur-pabur supaya tidak menggunakan cuti beliau selama dua bulan itu sebagai alasan untuk menarik diri daripada pasaran saham.

Katanya keputusan beliau untuk bercuti tidak seharusnya membuat pasaran gentar kerana timbalan beliau, Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah diberikan kuasa penuh untuk mengendalikan urusan negara semasa ketiadaan beliau.

"Faham sajalah mereka yang menyertai pasaran ini... mereka mencari berbagai petunjuk, dan petunjuk-petunjuk ini tidak berkaitan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan upacara memecah tanah bagi Cyberjaya dan melancarkan Hari Telekomunikasi Sedunia di situ.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas tentang tindak balas negatif di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dikaitkan dengan penurunan nilai baht Thai dan rancangannya untuk mengambil cuti selama dua bulan bermula Isnin ini.

Menurut Perdana Menteri, banyak pemimpin lain mengambil cuti sabatikal selama enam bulan tetapi tidak menimbulkan sebarang tindak balas yang tidak sewajarnya.

Perdana Menteri berkata beliau terpaksa memendekkan cuti beliau sekiranya ada "apa-apa yang istimewa berlaku."

"Jadi, saya harap anda semua (pihak akhbar) tidak akan mencetuskan sesuatu yang boleh mendatangkan masalah kepada saya," katanya.

Dr Mahathir berkata para pelabur harus memberi tumpuan kepada asas-asas syarikat yang disenaraikan di BSKL kerana kesemua menguntungkan.

"Tetapi, disebabkan sesuatu berlaku di tempat lain, mereka (pelabur) memilih untuk menarik keluar pelaburan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia berkembang baik seperti biasa dan asas-asas pasaran begitu baik. -- BERNAMA

TM SK KY OS